



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 49  
No. 19

**14hb September 2006**

*TAMBAHAN*  
*No. 4*

---

---

## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang berikut yang akan dibentangkan dalam Dewan Negeri Perlis adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills about to be introduced in the Legislative Assembly of the State of Perlis are published for general information:

	Muka Surat Page
Enakmen Perbekalan Tambahan Yang Pertama (2005) Tahun 2005	129
First Supplementary Supply (2005) Enactment, 2005	133
Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perlis) (Pindaan) 2006	137
Revision of Laws (State of Perlis) (Amendment) Enactment 2006	139

---

---

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan-perkhidmatan dalam tahun 2005 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud tertentu.

[ ]

**BAHAWASANYA** wang sebanyak Ringgit Malaysia enam puluh lapan juta tiga ratus lima puluh sembilan ribu (RM68,359,000.00) telahpun diperuntukkan oleh Enakmen Perbekalan Tahun 2005.

**DAN BAHAWASANYA** sekarang ini dikehendaki pula diadakan suatu peruntukan tambahan sebanyak Ringgit Malaysia sembilan belas juta lima ratus empat puluh tiga ribu satu ratus sembilan puluh dua sahaja (RM19,543,192.00).

**MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI** oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Yang Pertama (2005) Tahun 2005.

2

*Rang Undang-Undang***Peruntukan tambahan tahun 2005**

2. (1) Dengan ini adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak lebih daripada Ringgit Malaysia sembilan belas juta lima ratus empat puluh tiga ribu satu ratus sembilan puluh dua (RM19,543,192.00) daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Jadual di bawah ini bagi perkhidmatan-perkhidmatan tahun 2005 yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan secukupnya oleh Enakmen Perbekalan 2005.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan di dalam Jadual yang tersebut di bawah ini:

JADUAL PERTAMA

Maksud	Tajuk	Jumlah Peruntukan
(1)	(2)	(3)
		RM
B. 01 ...	Pejabat Pentadbiran D.Y.M.M. Tuanku Raja	157,600.00
B. 02 ...	Dewan Negeri	134,610.00
B. 04 ...	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	972,078.00
B. 05 ...	Pelbagai Perkhidmatan	3,801,644.00
B. 06 ...	Perbendaharaan	14,370,000.00
B. 13 ...	Jabatan Pengairan dan Saliran	24,600.00
B. 14 ...	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	37,900.00
B. 17 ...	Pejabat Mufti	44,760.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>19,543,192.00</b>

---

---

<i>Perbekalan Tambahan Yang Pertama (2005)</i>	3
------------------------------------------------	---

—  
HURAIAN

Adapun tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa undang-undang seperti yang dikehendaki oleh Perkara 70 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis untuk membenarkan perbelanjaan-perbelanjaan tambahan tertentu bagi perkhidmatan awam Negeri di dalam tahun 2005 yang melebihi perbelanjaan yang telah dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan Tahun 2005.

[SUK.(Ps.) 05/236 Jld. 2]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR  
*Penasihat Undang-Undang Negeri  
Perlis*

A BILL

*intituled*

An Enactment to apply a sum out of the Consolidated Fund for the additional expenditure for the services of the year 2005 and to appropriate such a sum for certain purposes.

[ ]

**WHEREAS** the sum of sixty eight million three hundred and fifty nine thousand Ringgit Malaysia (RM68,359,000.00) has been provided for by the Supply Enactment, 2005.

**AND WHEREAS** it is now requisite to make a further provision of nineteen million five hundred and forty three thousand one hundred and ninety two Ringgit Malaysia (RM19,543,192.00).

**IT IS HEREBY ENACTED** by the Legislature of Perlis as follows:

**Short title**

1. This Enactment may be cited as the First Supplementary Supply (2005) Enactment, 2005.

2 *Bill***Additional expenditure for the year 2005**

2. (1) It is hereby authorised that a sum not exceeding nineteen million five hundred and forty three thousand one hundred and ninety two Ringgit Malaysia (RM19,543,192.00) out of the Consolidated Fund for the expenditure on the services as stated in the Schedule below for the year 2005 not provided or not fully provided for by the Supply Enactment, 2005.

(2) The said sum is appropriated for the purposes specified in the Schedule hereto:

## FIRST SCHEDULE

Purpose (1)	Title (2)	Total Appropriated (3) RM
B. 01 ...	Administration Office of His Royal Highness Raja of Perlis	157,600.00
B. 02 ...	State Legislative Assembly	134,610.00
B. 04 ...	Menteri Besar and State Secretary Office	972,078.00
B. 05 ...	Miscellaneous Services	3,801,644.00
B. 06 ...	State Treasury	14,370,000.00
B. 13 ...	Drainage and Irrigation Department	24,600.00
B. 14 ...	Town and Country Planning Department	37,900.00
B. 17 ...	Mufti Office	44,760.00
	<b>TOTAL</b>	<b>19,543,192.00</b>

---

---

*First Supplementary Supply (2005)*

3

EXPLANATORY STATEMENT

The purpose of this Bill is to give statutory authority required by Article 70 of the Laws of the Constitution of Perlis for certain additional payment for the state public services in the year 2005 in excess of the expenditure sanctioned by the Supply Enactment 2005.

[SUK.(Ps.) 05/236 Jld. 2]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR  
*State Legal Adviser*  
*Perlis*

---

---

RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perlis) 2006.

[ ]

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI** oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

**Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa**

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perlis) (Pindaan) 2006 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2006.

**Pindaan seksyen 3**

2. Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perlis) 2006 [*Enakmen 1*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini adalah dipinda dalam seksyen 3 dengan memasukkan selepas perkataan “Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang” perkataan “dan Timbalan Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang”.



2

*Rang Undang-Undang*

**Pindaan seksyen 16**

3. Seksyen 16 Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “11, 14 dan 15” dengan perkataan “11(2), 12 dan 13 kepada Timbalan Pesuruhjaya”.

—————  
HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat pindaan kepada Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perlis) 2006.

1. *Seksyen 1* Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa bagi Enakmen yang dicadangkan.
2. *Seksyen 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan memasukkan perkataan “dan Timbalan Pesuruhjaya Penyemakan Undang-Undang” di dalam seksyen 3 Enakmen ibu.
3. *Seksyen 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan memasukkan perkataan “11(2), 12 dan 13” dan memasukkan perkataan “kepada Timbalan Pesuruhjaya” di dalam seksyen 16 Enakmen ibu.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[SUK.(Ps.) 05/227; PUN(Ps.)(S) 05/31 Jld. 1]

*Penasihat Undang-Undang Negeri  
Perlis*

A BILL

*intituled*

An Enactment to amend the Revision of Laws (State of Perlis) Enactment 2006.

[ ]

**BE IT ENACTED** by the Legislature of the State of Perlis as follows:

**Short title and commencement**

**1.** This Enactment may be cited as the Revision of Laws (State of Perlis) (Amendment) Enactment 2006 and shall be deemed to have come into operation on 1 March 2006.

**Amendment of section 3**

**2.** The Revision of Laws (State of Perlis) Enactment 2006 [*Enactment 1*], which in this Enactment is referred to as the “principal Enactment” is amended in section 3 by inserting after the words “Commissioner of Law Revision”, the words “and Deputy Commissioner of Law Revision”.

2 *Bill*

**Amendment of section 16**

**3.** Section 16 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “11, 14 and 15” the words “11(2), 12 and 13 to Deputy Commissioner”.

---

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Revision of Laws (State of Perlis) Enactment 2006.

1. *Clause 1* of the Bill contains the short title and to appoint the commencement date for the proposed Enactment.

2. *Clause 2* of the Bill seeks to insert the words “and Deputy Commissioner of Law Revision” in section 3 of the principal Enactment.

3. *Clause 3* of the Bill seeks to insert the word “11(2), 12 and 13” and to insert the words “to Deputy Commissioner” in the section 16 of the principal Enactment.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the State Governments in any extra financial expenditure.

[SUK.(Ps.) 05/227; PUN(Ps.)(S) 05/31 Jld. 1]

*State Legal Adviser  
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA